

MAHATHIR - BN

KUCHING, 27 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA NEGARA DAPAT MEMBANGUN DENGAN PESAT DAN RAKYAT DAPAT HIDUP DENGAN AMAN DAMAI SERTA BERSATU PADU KERANA SISTEM PEMERINTAHAN KERAJAAN SEKARANG MEMBERI TEMPAT KEPADA SEMUA PIHAK.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN YANG DITERAJUI OLEH BARISAN NASIONAL (BN) TIDAK MENGUTAMAKAN MANA-MANA KUMPULAN, KAUM ATAU NEGERI YANG WALAUPUN MEMPUNYAI KERAJAAN NEGERI SENDIRI DALAM MEMBERI SEGALA PELUANG PEMBANGUNAN.

+WALAUAPUN ADA NEGERI MEMPUNYAI KERAJAAN SENDIRI, UMUMNYA KITA ANGGAP DIRI KITA SEBAGAI SATU BANGSA MALAYSIA,+ KATANYA SEMASA BERUCAP DI HADAPAN KIRA-KIRA 2,000 RAKYAT YANG MENYAMBUK KETIBAAAANNYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING DI SINI SEBAIK BELIAU TIBA DARI KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DITEMANI ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH BERADA DI SINI UNTUK MERASMIKAN PENUTUPAN SUKAN MALAYSIA KE-3 DI STADIUM NEGERI MALAM INI. KETIBAAN MEREKA DISAMBUK OLEH KETUA MENTERI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERANA RAKYAT BOLEH MEMBANGUNKAN NEGARA TANPA SELISIH FAHAM YANG BESAR, MALAYSIA HARI INI SUDAH TERKENAL DI SELURUH DUNIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MENCAPAI TAHAP KEMAJUAN YANG TINGGI.

MENURUTNYA, BANYAK PEMIMPIN ASING YANG DATANG KE NEGARA INI SEMASA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DAN KUMPULAN 15 BARU-BARU INI BEGITU KAGUM DENGAN KEMAJUAN MALAYSIA DAN HAIRAN MELIHAT RAKYAT YANG BERBILANG KAUM DAPAT HIDUP DENGAN HARMONI. -- LAGI.

1857MST 27 07 90

D311

U B173 AAB  
MAHATTHIR - BN 2 KUCHING

PARA PEMIMPIN ASING ITU JUGA KAGUM MELIHAT MASING-MASING KAUM DAPAT MENGEKALKAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN MEREKA TETAPI PADA MASA YANG SAMA DAPAT MENGGUNAKAN SATU BAHASA DAN MEMAHAMINYA.SERTA TIDAK PULA BERTELINGKAH SESAMA SENDIRI, TAMBAHNYA.

OLEH ITU, PERDANA MENTERI BERKATA AMATLAH PENTING BAGI RAKYAT MENENTUKAN MASA DEPAN MEREKA DENGAN MENENTUKAN YANG HUBUNGAN KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI MELALUI SATU PARTI BN DAPAT TERUS DIKEKALKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANGLAH MENJADI HASRAT KERAJAAN BN PUSAT UNTUK MELIHAT HUBUNGANNYA DENGAN KERAJAAN-KERAJAAN BN NEGERI TERUS TERJALIN BAIK DAN SEMUA RAKYAT BERSATU PADU.

DALAM HUBUNGAN ITU, BELIAU YAKIN PENDUDUK SARAWAK DAPAT TERUS MENGUKUHKAN TALI PERSAUDARAAN DENGAN PENDUDUK NEGERI-NEGERI LAIN APATAH LAGI DENGAN MEREKA YANG TERLIBAT DALAM SUKMA KALI INI DAN YANG AKAN DATANG.

KATANYA, MEMANGLAH ADA KETEGANGAN SEDIKIT DALAM PERHUBUNGAN MEREKA SEPerti YANG BERLAKU DALAM SUKAN BOLA SEPAK TETAPI ITU IALAH ADAT BERSUKAN DAN IA TIDAK BERKEKALAN KERANA SELEPAS BERMAIN SEMUA PIHAK AKAN BERBAIK SEMULA.

+SEPERTI KEADAAN SUAMI ISTERI, KALAU SELALU SAHAJA BAIK, IA TENTU MEMBOSANKAN, JADI SEKALI-SEKALA KENALAH BERKELAH. TETAPI SELEPAS ITU KITA LIHAT MEREKA BERBAIK-BAIK SEMULA, BERPELUK-PELUKAN DAN BERCEMBU-CUMBUAN,+ KATANYA DAN JENAKANYA ITU DISAMBUK DENGAN GELAK-KETAWA DAN TEPUKAN HADIRIN.

D319

U B174 AAB  
MAHATHIR - BN 3 KUCHING

+BEGITU JUGA DENGAN RAKYAT DI NEGARA INI, WALAPUN KITA MENGHADAPI SEDIKIT SEBANYAK PERSELISIHAN TETAPI SELEPAS ITU KITA RAPATKAN KEMBALI PERHUBUNGAN ANTARA KITA,+ KATA PERDANA MENTERI LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN MELALUI SUKMA MASING-MASING BERPELUANG BERTANDING DENGAN PENUH SEMANGAT KESUKANAN, DAN MENAMBAH SARAWAK KALI INI TELAH MENUNJUKKAN PRESTASI YANG CEMERLANG HINGGA DAPAT MEMBOLOT 44 PINGAT EMAS DALAM SUKMA KALI INI.

+TETAPI MUJUR KETUA MENTERI KATA SARAWAK BERHENTI SETAKAT 44 DAN TIDAK HENDAK 46, SAYA YAKIN PENDUDUK SARAWAK TIDAK HENDAK 46 TETAPI 45 ATAU 47 TIDAK APA,+ KATA PERDANA MENTERI DENGAN DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA HADIRIN SEKALI LAGI.

BELIAU BERKATA SARAWAK MEMPUNYAI BANYAK BAKAT-BAKAT SUKAN YANG BAIK DAN BELIAU MEMINTA MENTERI BELIA DAN SUKAN DATUK NAJIB TUN RAZAK YANG TURUT TIBA BERSAMANYA DARI KUALA LUMPUR, SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA AHLI-AHLI SUKAN NEGERI INI DALAM SUKAN-SUKAN AKAN DATANG TERMASUK SUKAN ASIA, DI BEIJING.

BELIAU JUGA MENYERU RAKYAT SUPAYA BERSYUKUR KEPADA TUHAN KERANA NEGARA BEGITU AMAN, DILINDUNGI DARI SEGALA BENCANA BESAR SEPERTI GEMPA BUMI, RUSUHAN KAUM DAN MEREKA HENDAKLAH TERUS BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA. -- BERNAMA.

1943MST 27 07 90

D318